



## SIARAN MEDIA

---

### NAFAS LANCAR BAJA BERSKALA KECIL JENAMA PELADANG

**SERDANG; 11 Ogos 2022** – Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah melancarkan produk pembajaan berskala kecil jenama Peladang keluaran Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) sempena Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2022 di MAEPS pada hari ini.

Hadir sama, Pengerusi Jemaah Pengarah NAFAS, Dato' Zamri Yaakob, barisan Ahli Jemaah Pengarah NAFAS, Pemangku Pengurus Besar NAFAS, Encik Saripol Baharin Karim dan Pengurus Besar NAFAS Bajakimia Sdn Bhd (NBKSB) Encik Zalifudin Md. Arshad.

Baja Sebatian 65 dan 45 keluaran NBKSB merupakan baja bagi memenuhi keperluan tanaman isi rumah yang berkualiti tinggi dan diproses di kilang baja Malaysian NPK Fertilizer Sdn Bhd (MNFSB) di Gurun, Kedah. NBKSB dan MNFSB merupakan syarikat subsidiari NAFAS.

Baja Tumbesaran Umum Sebatian 65 dan Baja Formulasi Hasil / Tumbesaran Sebatian 45 merupakan baja bagi menggalakkan pengeluaran bunga dan buah yang berkualiti, membantu batang pokok menjadi kuat dan meningkat pertumbuhan akar aktif.

Baja ini dihasilkan melalui proses granulasi wap dan mengandungi keperluan nutrien utama yang lengkap mengikut formulasi baja. Baja jenama Peladang ini mendapat pensijilan dan diakreditasi dengan ISO 9001:2008, Standards Malaysia Accredited Laboratory (2006) dan juga SIRIM.

Produk ini boleh didapati di pasaran dengan harga RM10 bagi satu botol yang mengandungi 1 kilogram baja di kedai-kedai input rangkaian Pertubuhan Peladang (PP) meliputi Pertubuhan Peladang Negeri (PPN), Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) serta kedai-kedai input terpilih di seluruh Malaysia serta boleh juga didapati melalui platform jualan dalam talian, *shopee*.

## **NAFAS @ MAHA 2022**

Pada pada tahun ini NAFAS sekali lagi membuktikan komitmen memberi sokongan kepada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dengan menyertai Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2022 yang berlangsung selama 11 hari bermula 4 hingga 14 Ogos 2022.

Menariknya tahun ini, NAFAS selaku Rakan Penaja MAHA 2022 menganjurkan beberapa aktiviti dan juga peraduan yang menjanjikan hadiah menarik untuk dibawa pulang oleh para pengunjung yang ke Pavilion NAFAS di Dewan A, Maeps.

Melalui peraduan Jawab dan Menang, para pengunjung yang berkunjung ke reruai NAFAS hanya perlu menjawab soalan mudah dan berpeluang menyertai cabutan bertuah. Istimewanya, seorang pengunjung bertuah akan memenangi bar emas seberat 50 gram.

Selain bar emas, pengunjung juga berpeluang memenangi telefon bimbit, basikal lipat, tab, seterika stim, televisyen dan pelbagai lagi hadiah-hadiah yang lain.

NAFAS turut menawarkan jualan harga murah dari jenama Peladang yang berasaskan makanan dan juga bukan makanan seperti baja, racun dan minyak pelincir.

NAFAS juga terlibat sama di Laman Mekanisasi, Laman Padi dan Laman Agro-edutainment yang akan turut dimeriahkan dengan aktiviti serta mempamerkan produk-produk keluaran NAFAS.

Para pengunjung dan pemain industri dapat menggunakan peluang ini untuk melihat secara dekat dan mendapatkan maklumat lanjut terus melalui pempamer NAFAS di tempat-tempat tersebut.

Sebarang maklumat lanjut berhubung aktiviti dan program anjuran NAFAS sepanjang di MAHA 2022 boleh didapati dengan melayari platform media sosial NAFAS di Facebook, Instagram, Twitter dan Tiktok. – Nafashq.

---

## **PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS) 11 OGOS 2022**

Maklumat lanjut, hubungi: Farhana Hanim binti Mohd Mydin Bahagian Komunikasi Korporat NAFAS 019-2608392
------------------------------------------------------------------------------------------------------------------